

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN CHUA TIAN CHANG@ TIAN CHUA

TARIKH : 25.5.2016 (RABU)

SOALAN :

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan adakah benar bahawa harta intelek dari University of Bath telah dimuat naik ke dalam sistem repositori UiTM. Malaysia Institute of Management (MIM) telah memaklumkan bahawa mereka tidak memberi apa-apa kebenaran untuk UiTM menggunakan bahan kajian ini

JAWAPAN:

Tan Sri Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) telah menyiasat dakwaan bahawa harta intelek dari University of Bath telah memuat naik ke dalam sistem repositori UiTM. Walau bagaimanapun, KPT ingin menegaskan bahawa bahan tersebut adalah dalam keadaan asal tanpa ada apa-apa pindaan pada nama graduan dan nama University of Bath pada halaman hadapan tesis tersebut.

Untuk makluman, hanya 24 muka surat pertama sahaja yang dimuat naik ke sistem Repositori UiTM dan bukan teks penuh keseluruhan tesis yang berkenaan.

Ia merupakan amalan biasa yang dilakukan oleh pihak perpustakaan bagi membolehkan pelawat untuk mengetahui bahan-bahan yang berada dalam koleksi perpustakaan. Teks penuh tesis hanya boleh dirujuk dalam perpustakaan dengan kebenaran dan diletakkan dalam koleksi terkawal (Red Spot Collection).

Berdasarkan siasatan menyeluruh yang telah dijalankan, adalah didapati bahawa tesis ini diberikan kepada perpustakaan oleh staf UiTM sebagai bahan hadiah pada tahun 1994 dan pihak UiTM telah mengeluarkan tesis tersebut serta-merta setelah aduan diterima.

Isu tersebut telah dapat diselesaikan dan kenyataan media telah pun dibuat oleh Yang Berbahagia Prof. Emeritus Datuk Dr. Hassan Said, Naib Canselor UiTM pada 6 Mei 2016.

SIDANG DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KETIGA BELAS (2016)

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **YB DR. MOHD HATTA BIN MD. RAMLI**
[KUALA KRAI]
TARIKH : **25 MEI 2016 [RABU]**
SOALAN : **143**

minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan berapa jumlah wang yang sudah dibelanjakan MOSTI dari tahun 2000 hingga sekarang untuk Research and Development (R&D), dan nyatakan apa hasil "output" dan "outcome" daripada perbelanjaan ini.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi menawarkan dana-dana penyelidikan, pembangunan dan pengkomersialan (R,D&C) seawal Rancangan Malaysia Ke-7. Usaha-usaha meningkatkan keupayaan dan pencapaian R,D&C negara telah diteruskan di bawah Rancangan Malaysia Ke-8 sehingga kini.

Di bawah Rancangan Malaysia Ke-8 (2001-2005), sebanyak RM1.4 bilion telah diluluskan untuk membiayai 2,529 projek R,D&C. Daripada jumlah itu, projek-projek yang dibiayai telah menghasilkan 1,056 harta intelek (IP), menerbitkan 13,148 buah penerbitan, menerima 1,187 anugerah dan melahirkan seramai 7,587 modal insan. Selain itu, sebanyak 240 projek telah dikomersialkan manakala bilangan projek yang berpotensi untuk dikomersialkan pula adalah sebanyak 1,046.

Di bawah Rancangan Malaysia Ke-9 (2006-2010), sebanyak RM1.5 bilion telah diluluskan untuk membiayai 3,485 projek R,D&C di bawah ScienceFund, TechnoFund dan InnoFund. Daripada jumlah itu, projek-projek yang dibiayai telah menghasilkan 1,674 harta intelek, menerbitkan 15,082 buah penerbitan, menerima

822 anugerah dan melahirkan seramai 4,259 modal insan. Selain itu, sebanyak 3 projek telah dikomersialkan manakala bilangan projek yang berpotensi untuk dikomersialkan adalah sebanyak 741.

Di bawah Rancangan Malaysia Ke-10 (2011-2015) pula, sebanyak RM661.5 juta telah diperuntukkan kepada MOSTI untuk melaksanakan program R,D&C di bawah ScienceFund, TechnoFund dan InnoFund. Daripada peruntukan tersebut, sebanyak 1,856 projek telah diluluskan dan menghasilkan sebanyak 222 prototaip, 484 harta intelek (IP), 3,547 buah penerbitan, menerima 196 anugerah di dalam dan luar negara serta melahirkan seramai 998 modal insan. Sebanyak 16 projek telah dikomersialkan manakala bilangan projek yang berpotensi untuk dikomersialkan pula adalah sebanyak 249.

Sekian, terima kasih.